



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

KEMPEN *CLICK, PAY & EARN* 2022 BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sentiasa mencari inisiatif bagi melaksanakan kempen-kempen yang memberi manfaat kepada masyarakat Malaysia terutamanya pelanggan PTPTN. Pada tahun 2022, PTPTN sekali lagi menjalin kerjasama strategik bersama **Shopee, BESTPay dan SpayGlobal (SarawakPay)** melalui pelaksanaan **Kempen *Click, Pay & Earn* 2022**.
2. Kempen ini diperkenalkan bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan peminjam PTPTN membuat bayaran balik pinjaman secara dalam talian melalui saluran bayaran balik yang telah disediakan oleh rakan strategik yang menyertai kempen ini. Selain itu, kempen ini juga merupakan salah satu usaha bagi menghargai peminjam PTPTN yang komited membayar balik pinjaman pendidikan mereka walaupun di dalam situasi ekonomi yang mencabar.
3. Kempen *Click, Pay & Earn* 2022 ini terbuka kepada semua peminjam PTPTN yang membuat bayaran balik pinjaman menggunakan aplikasi ShopeePay, BESTPay dan SpayGlobal (SarawakPay) dalam tempoh kempen iaitu bermula pada **8 Februari 2022 sehingga 30 April 2022**. Peminjam PTPTN hanya perlu membuat bayaran balik dengan **nilai minimum** mengikut saluran dalam tempoh kempen untuk melayakkan peminjam mendapat ganjaran yang ditawarkan.
4. Melalui kempen ini, pelanggan yang membuat bayaran balik pinjaman mereka dalam tempoh kempen berpeluang menerima ganjaran seperti berikut:

Saluran	Kelayakan	Pemberian Ganjaran
ShopeePay	Bayaran balik pinjaman minimum RM100 dalam satu (1) transaksi	Pemberian baucar diskaun RM5 kepada pengguna aplikasi Shopee tertakluk kepada 30 pengguna terawal setiap hari bagi bayaran pinjaman dalam tempoh kempen.

BESTPay	Bayaran balik pinjaman minimum RM100 dalam satu (1) transaksi	Pemberian 5 kredit BP kepada 30 pengguna terawal yang membuat bayaran balik pinjaman semasa slot BESTPay 1 jam Happy Hour yang akan berlangsung secara rawak di antara jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari di sepanjang tempoh kempen.
SpayGlobal (Sarawak Pay)	Bayaran balik pinjaman minimum RM10 dalam satu (1) transaksi	Pemberian RM2 baucar kepada 100 pengguna terawal setiap bulan bagi bayaran balik pinjaman dalam tempoh kempen.

5. Jalinan kerjasama di antara PTPTN dan rakan strategik ini adalah jalinan kerjasama kedua pihak sejak tahun 2021 lagi dalam usaha untuk menggalakkan pelanggan PTPTN menggunakan transaksi tanpa tunai serta sebagai pemudah cara bagi membantu peminjam PTPTN membuat bayaran secara dalam talian. Melalui kolaborasi ini juga, jelas menunjukkan komitmen dan kesungguhan PTPTN dalam memperkasakan agenda pendigitalan serta memastikan peminjam PTPTN dapat melaksanakan bayaran balik dengan mudah, cepat dan selamat secara dalam talian di kala pandemik Covid-19 masih lagi melanda negara.

6. Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, “PTPTN mengadakan kerjasama strategik bersama rakan e-wallet untuk menarik minat peminjam membuat bayaran balik dan pada masa yang sama berpeluang mendapat ganjaran yang ditawarkan dalam tempoh kempen. Ini juga merupakan sebagai salah satu usaha membudayakan kaedah pembayaran secara digital di kalangan pelanggan PTPTN.”

7. PTPTN berharap dengan pelaksanaan kempen ini akan menjadi pemudah cara kepada peminjam PTPTN dan secara tidak langsung menggalakkan pembayaran balik pinjaman serta memperkasakan perkhidmatan PTPTN ke arah lebih dinamik dan cemerlang melalui pendigitalan selaras dengan Pelan Strategik PTPTN 2021-2025. Sesungguhnya bayaran balik pinjaman yang dibuat oleh para peminjam amat bermakna dan penting demi kelestarian pinjaman PTPTN kepada generasi akan datang. Layari portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my untuk maklumat lanjut mengenai kempen *Click, Pay & Earn 2022*.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
9 Februari 2022